



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	13/11/2019	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### Gajah liar rosakkan tanaman sawit dipindah

**JERANTUT** - Khidmat dua ekor gajah dari Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Abot dan Rambai digunakan dalam operasi pemindahan seekor gajah jantan liar ke Pusat Konservasi Gajah Tasik Kenyir semalam.

Operasi yang dijalankan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Pahang bermula jam 9 pagi itu dibuat selepas gajah yang berusia lapan tahun itu melakukan kerosakan terhadap tanaman kelapa sawit peneroka di Felda Kota Gelanggi 1 di sini sejak Jumaat lalu.

Pengarah Perhilitan Pahang, Rozidan Md Yassin berkata, gajah terbabit dikesan berkeliaran dan merosakkan tanaman kelapa sawit di sekitar Felda itu dan berjaya ditangkap pada Sabtu lalu.

Menurutnya, untuk operasi pemindahan gajah



Abot dan Rambai yang membantu dalam operasi pemindahan gajah liar terbabit (tengah) di Felda Kota Gelanggi 1 semalam.

itu, seramai 20 anggota yang terdiri daripada sembilan anggota Unit Tangkapan Gajah Pahang dan selebihnya dari Pusat Tangkapan dan Pemindahan Gajah, Kuala Gandah.

"Gajah ini didapati berkeliaran secara sendiri dan dipercayai terpisah daripada kumpulannya yang besar di Hutan Simpan Tekal.

"Kami percaya masih ada kumpulan gajah itu yang terdiri daripada 30 hingga 35 ekor gajah yang sering berkeliaran di beberapa tempat memakan tanaman penduduk" katanya.

Beliau berkata, kumpulan gajah itu sering memasuki kawasan Felda Kota Gelanggi 1 hingga 6 dan di Felra Sungai Poho.